

UPM tubuh pasukan Palapes tentera laut

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan menubuhkan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mulai sesi pengajian 2004/05, kata Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie.

Beliau yang juga Komandan Palapes UPM, berkata seramai 30 pelajar akan diambil sebagai kadet perintis dengan pengambilan dibuat pada Jun depan.

"Mereka yang terpilih akan berada di bawah pemerintahan KD Sri Klang yang berpangkalan di Jalan Semarak, Kuala Lumpur," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian di pejabatnya di Serdang, kelmarin.

Hadir sama Timbalan Komandan Palapes UPM, Lt Kolonel (Kehormat) Dr Rashid Ibrahim serta Ketua Jurulatih, Mejar Frizan Ali Sapi Mohamed.

Dr Mohd Zohadie berkata, berikutan itu TLDM dijangka membuka pejabatnya di Markas Palapes UPM dalam tempoh terdekat ini.

Katanya, pelajar UPM yang terpilih mengikuti kadet Palapes TLDM juga akan menjalani latihan di pangkalan

Armada TLDM di Lumut, Perak, sepanjang tempoh pembabitan mereka dalam pasukan itu.

"Bilangan kadet Palapes TLDM ini akan ditambah lagi pada sesi pengajian akan datang bergantung kepada minat pelajar sendiri," katanya.

Beliau berkata, mereka yang mengikuti latihan Palapes TLDM akan mendapat keistimewaan sebagaimana Palapes tentera darat yang terdapat di universiti itu seperti mendapat enam kredit dalam pengajian serta menginap di Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah (Kosass).

Sementara itu, Dr Mohd Zohadie yang juga Kolonel (Kehormat) Palapes UPM, berkata universiti itu akan menganjurkan program 'Sirih Pulang Ke Gagang' bagi mengumpulkan semua 1,645 bekas pegawai kadet Palapes yang telah menerima pentauliahian dalam tempoh 1982 hingga 2003.

Beliau berkata, program yang julung kalinya diadakan itu bertujuan menemukan semula semua bekas pelajar UPM yang pernah menjadi anggota Palapes.